

PENDIDIKAN TONGGAK KECEMERLANGAN PELAJAR

26 Jamadil Awal 1443H/ 31 Disember 2021

الْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Islam mewajibkan ke atas setiap umatnya untuk menuntut ilmu kerana ia merupakan kunci kepada kejayaan dan kegemilangan suatu tamadun dan bangsa. Islam sangat menghargai ilmu sehingga mengangkat kedudukan orang yang berilmu itu dengan beberapa darjat. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Mujadalah ayat 11:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا

تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Yang bermaksud : *“Allah meninggikan darjat orang yang beriman dalam kalangan kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan dalam kalangan kamu beberapa darjat. (Ingatlah) Allah Maha mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”*

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tobarani:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ وَالْفِقْهُ بِالتَّفَقُّهِ وَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا
يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ وَإِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Yang bermaksud: *"Wahai manusia! Sesungguhnya ilmu itu diperolehi dengan belajar, dan kefahamannya hendaklah dengan menekuni-nya. Dan sesiapa yang Allah menghendaki kebaikan untuknya, nescaya diberikannya kefahaman dalam agama, dan sesungguhnya hamba yang takutkan Allah itu adalah para ulamak."*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala,

Dalam usaha menyebarkan ilmu pengetahuan ini bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia memerlukan pengorbanan dan kesungguhan. Oleh demikian, nadi penggerak ke arah tujuan penyebaran ilmu ini ialah para guru, pendidik dan ilmuwan.

Dalam ajaran Islam, para guru dan pendidik adalah insan yang mulia dan diberi kedudukan yang tinggi. Ini bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab mereka memperkaya dan memperkasa ilmu, mendidik dan membimbing anak watan sehingga menjadi insan yang berilmu dan berakhlak mulia.

Sehubungan itu, guru hendaklah terlebih dahulu menunjukkan contoh yang baik kepada para pelajar dan menjauhkan diri daripada sifat-sifat keji dan tercela. Ini kerana guru mempunyai pengaruh yang cukup kuat untuk mencorak dan membentuk keperibadian anak-anak didik mereka.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa-ta'ala,

Para guru dan pendidik hendaklah sentiasa ikhlas, sabar, tabah dan tenang dalam mendidik dan menyampaikan ilmu pelajaran. Apa yang penting, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru dan pendidik itu ialah untuk mencari keredhaan Allah Subhanahu wa-ta'ala.

Ingatlah jasa guru dan pendidik hendaklah dihormati, sentiasa dikenang dan dihargai. Sama-samalah kita berdoa ke hadrat Ilahi agar para guru kita sentiasa dilimpahkan taufik dan hidayah serta diberikan kekuatan dan kesabaran dalam mendidik dan membimbing anak watan. Mudah-mudahan Allah Subhanahu wa-ta'ala sentiasa memberi petunjuk, inayah dan rahmat kepada para guru dan pendidik sama ada yang masih hidup ataupun yang telah kembali ke rahmatullah.

Firman Allah Subhanahu wa-ta'ala dalam surah az-Zumar ayat 9:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَمَّنْ هُوَ قَنِتٌ ءَانَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ ^ف
قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ ^ف أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

Yang bermaksud : “(Engkaulah yang lebih baik) atau orang yang taat mengejarkan ibadah pada waktu malam dengan bersujud dan berdiri kerana takutkan azab hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya?” Katakanlah lagi kepadanya adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? “Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.